



KENYATAAN MEDIA
YAB PERDANA MENTERI

PERALIHAN FASA DAN KELONGGARAN SOP

Berdasarkan laporan kes positif COVID-19 harian yang dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), negara mencatatkan bilangan kes di bawah 10,000 kes sehari bagi tempoh dua minggu berturut-turut.

Kadar kebolehjangkitan atau R-naught juga terus mencatatkan penurunan dengan mencatatkan angka di bawah paras 1.0 iaitu 0.86.

Sehingga semalam, kadar vaksinasi populasi dewasa bagi dos pertama adalah 95% manakala jumlah yang menerima dua dos vaksin pula seramai 91.2% dan dijangka terus meningkat.

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik pada hari ini bersetuju untuk membenarkan peralihan fasa bagi negeri-negeri berikut berkuatkuasa 18 Oktober 2021:

- Kelantan, Perak, Pulau Pinang, Sabah dan Kedah daripada Fasa 2 kepada Fasa 3.
- Melaka dan Lembah Klang (WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, Selangor) daripada Fasa 3 kepada Fasa 4.

Peralihan fasa ini mengikut garis panduan yang ditetapkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan peratusan kadar vaksinasi lengkap populasi dewasa.

Dengan peralihan fasa bagi negeri-negeri yang dinyatakan, negara Malaysia secara keseluruhannya kini beralih ke Fasa 3.

Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi negeri-negeri yang memasuki Fasa 3 dan 4 boleh dilayari di laman sesawang rasmi Majlis Keselamatan Negara (MKN) www.mkn.gov.my.

KELONGGARAN SOP

Selain itu, antara ketetapan lain yang turut diputuskan hari ini ialah:

1. Operasi Rehat dan Rawat (R&R) di semua lebuh raya dalam negara dibenarkan beroperasi penuh 24 jam bermula esok, 16 Oktober 2021.
2. Kenderaan *e-hailing* dibenarkan mengambil penumpang berdasarkan kapasiti tempat duduk kenderaan bagi semua Fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula esok, 16 Oktober 2021.
3. Pengurangan Tempoh Perintah Pengawasan dan Pemerhatian bagi pengembara dari luar negara berkuatkuasa pada Isnin, 18 Oktober 2021.
 - I. Tempoh kuarantin 7 hari di rumah (jika sesuai) atau stesen kuarantin bagi pengembara dengan vaksinasi lengkap,
 - II. Tempoh kuarantin 10 hari di stesen kuarantin bagi pengembara tiada/tidak lengkap vaksin.
4. Pengurangan Tempoh Perintah Pengawasan dan Pemerhatian bagi Kontak Rapat juga berkuatkuasa pada Isnin, 18 Oktober 2021.
 - I. Tempoh kuarantin 7 hari di rumah bagi mereka yang lengkap divaksin,
 - II. Tempoh kuarantin 10 hari di rumah bagi mereka yang tiada/tidak lengkap divaksin.
5. Pembukaan Perkhidmatan Pusat Siber dan Kafe Siber dipersetujui dengan penyelarasan kapasiti seperti berikut berkuatkuasa 17 Oktober 2021:
 - I. 80% kapasiti bagi Fasa 3 dan;
 - II. 100% kapasiti bagi Fasa 4.

6. SOP pelaksanaan pelancongan ke luar negeri bagi tujuan umrah yang telah dibentangkan di Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal Pengurusan Pandemik bertarikh 27 September 2021 diwartakan selaras dengan pengumuman kebenaran rentas negeri dan negara bermula 11 Oktober 2021. Sehubungan itu, jemaah dibenarkan mengerjakan umrah selaras dengan keputusan memansuhkan keperluan MyTravelPass untuk ke luar negara. Kebenaran ini berkuatkuasa 18 Oktober 2021.
7. Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions (MICE) dibenarkan di negeri-negeri PPN Fasa 3 secara bersemuka, melibatkan individu yang telah lengkap divaksin berkuatkuasa 18 Oktober 2021 dengan syarat-syarat seperti berikut;
 - Melaksanakan ujian saringan COVID-19 (pre-event test) melalui kaedah saliva test atau RTK-Antigen,
 - Mematuhi penjarakan fizikal
 - Memakai pelitup muka
 - Kapasiti 50% mengikut ruang

PELAKSANAAN PROTOKOL TEST AND RELEASE (T&R)

Mesyuarat bersetuju untuk melaksanakan program rintis protokol *test and release* (T&R) dengan syarat perjalanan atau itinery yang ketat dan terhad bagi lawatan rasmi kepada kumpulan pengembara yang dikenalpasti iaitu:

- Pembesar Negara
- Menteri
- Timbalan Menteri
- Menteri Besar
- Ketua Menteri
- Exco Kerajaan Negeri
- Ahli-ahli Parlimen
- Pegawai-pegawai Kerajaan

Pelaksanaan program rintis ini akan berkuatkuasa 18 Oktober 2021 dan akan diperluaskan kepada pengembara perniagaan (business travellers) dalam waktu terdekat.

Antara syarat-syarat yang dikenakan adalah:

- Mengemukakan permohonan dalam tempoh yang ditetapkan bersama dokumen sokongan kepada MKN dan KKM bagi tujuan kelulusan.

- Menjalani ujian PCR 3 hari sebelum berlepas pulang ke Malaysia.
- Menjalani ujian PCR setibanya di mana-mana pintu masuk negara.

Syarat-syarat ini terhad kepada pengembara yang tiba dari negara yang berisiko rendah sahaja. Syarat ini juga terpakai kepada individu-individu yang lengkap divaksin.

Kerajaan menyeru dengan kelonggaran-kelonggaran yang diberikan ini, ia dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat dengan penuh disiplin dan rasa tanggungjawab.

Patuhilah setiap SOP yang ditetapkan, pakai pelitup muka, amalkan penjarakan fizikal dan sentiasa menjaga kebersihan dan keselamatan diri.

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

DATO SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

PENGERUSI JAWATANKUASA KHAS PENGURUSAN PANDEMIK COVID-19

15 OKTOBER 2021